



SMK BANDAR TASIK KESUMA
JALAN KESUMA 1/7 BANDAR TASIK KESUMA
43700 BERANANG

Kertas Kerja
Pertandingan Anugerah Hijau 2016
(SMK BANDAR TASIK KESUMA)

Nama pelajar:

Bil	Nama (pelajar)	Kad pengenalan
1.	NUR QADIRAH BINTI MOHD SAIPUL ANUWAI	000125-10-0532
2.	SYAFIQAH SYAHIRAH BINTI SOLAS	001130-10-0224
3.	MUHAMMAD HAZIQ FIKRI BIN FAIZAL	000329-10-1027
4.	CAROLINE GAN JINQ YEN	001214-10-0184
5.	SAI PRABU A/L MUNIANDI	000609-14-0805

Nama Guru:

Bil	Nama (guru)	Kad pengenalan
1.	SUHAILA @ RAFIDAH BINTI ABDUL MAJID	770628-01-6448

PERTANDINGAN ANUGERAH HIJAU 2016

PENGENALAN

Pendidikan dan kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk seawal mungkin kerana ia akan menjadi faktor penentu kearah amalan cara hidup yang mesra alam pada masa akan datang. Satu cara yang berkesan untuk memupuk kesedaran tentang alam sekitar adalah melalui institusi pendidikan terutamanya sekolah.

VISI SEKOLAH LESTARI

KESUMA LESTARI

MISI SEKOLAH LESTARI

SMK Bandar Tasik Kesuma kearah sekolah berinovasi Teknologi Hijau

Objektif:

1. Memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah
2. Meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
3. Menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan
4. Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar
5. Membudayakan sikap menabung kepada pelajar dengan cara menghargai dan menyanyangi alam sekitar

SEHATI SEJIWA SETAMAN

Masalah :

1. Tanah yang gersang dan tidak subur menyebabkan sekolah kami tidak menghijau dengan pokok-pokok dan kering kontang
2. Pembakaran terbuka yang tidak terkawal menyebabkan pencemaran udara.

Cara Mengatasi:

Pencemaran Udara : Mencipta Baja Kompos dari daun-daun kering yang dikumpulkan dan juga sisa-sisa kering dari kantin sekolah. Sekolah kami telah berjaya memenangi pertandingan TrEES pada tahun 2013. Telah memenangi wang tunai sebanyak RM 13,000.00. Kami juga telah berjaya mencipta inovasi mesin kompos dan kami juga telah berjaya membuat jualan baja kompos tersebut sehingga RM 350.00 setahun.

Penambahbaikan :

Kami akan membawa baja kompos kami ke MARDI dan SIRIM untuk mendapatkan pengesahan mutlak agar baja kompos kami ini dapat dipasarkan keluar iaitu pasaraya dan dikenali ramai.

Setelah itu, program Lestari yang telah kami jalankan pada tahun 2014 akan diteruskan di mana unit-unit beruniform menjaga taman-taman masing-masing. Setiap hari Rabu semasa aktiviti kokurikulum dijalankan pelajar-pelajar diwajibkan sentiasa menambahbaik dan memulihara taman-taman yang telah diusahakan. Kawasan taman-taman angkat unit beruniform adalah disepanjang belakang Blok C dan disusur papan kenyataan kokurikulum dan juga dibelakang surau blok D. Sekolah kami juga telah menambahkan taman-taman dengan menyertai pertandingan Floria Diraja Putrajaya selama 3 tahun berturut-turut. Di sini sekolah kami telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif dan inovatif disamping menyanyangi alam sekitar dan mencintainya. Kami menyuburkan tanaman kami melalui baja kompos yang dihasilkan dan juga menggunakan air dari simpanan air hujan yang kami usahakan dalam Program SEPAH.

Dengan ini kami telah membuktikan bahawa sekolah kami telah berjaya menjadi sekolah Hijau dalam Pertandingan Sekolah Lestari Alam Sekitar Tahun 2013-2014 dan berjaya mendapat 5 bintang.

SETITIK AIR SERIBU MAKNA

Masalah:

1. Bil air yang tinggi disebabkan kebocoran paip ditandas
2. Penyiraman pokok-pokok tidak kerap kerana sumber air terhad

Cara Mengatasi:

Mengumpulkan air tadahan hujan sebagai satu alternative untuk menjimatkan penggunaan air. Sekolah kami berjaya melayakkan diri dengan mendapat RM 7,000.00 dalam pertandingan TrEES tahun 2015. Kami telah membuat kawasan tadahan air di belakang Blok C untuk memudahkan tukang kebun menyirani pokok-pokok dengan menggunakan air hujan dan juga dihadapan blok A dimana taman-taman hijau berada di situ.

Penambahbaikan:

Idea kali ini adalah kami akan membuat penambahbaikan dengan menyalurkan air hujan ke dalam tandas dan juga menyalurkan paip air ke kawasan-kawasan taman yang kekurangan sumber air. Dengan cara ini sekolah kami dapat mengurangkan bil air dan kami dapat mendidik warga sekolah agar belajar menghargai air.

Kami akan membeli pump untuk menyedut air tadahan hujan agar dapat disalurkan ke tandas pelajar untuk penggunaan air diflash tandas dan saluran paip air sebagai sprinkle di kawasan-kawasan tertentu. Dengan cara ini kami akan melahirkan pelajar yang berinovasi dengan memudahkan semua serta warga SMK BTK akan sentiasa menghargai air. Kos yang kami perlukan adalah sebanyak RM 10,000.00. Kami akan usahakan secara

berperingkat-peringkat bagi merealisasikan bahawa sekolah kami adalah sekolah yang mencintai dan menghargai alam sekitar. Salah satu cara untuk mengglakkan pelajar kami untuk mengumpulkan dana adalah dengan cara menabung iaitu mengumpulkan barang-barang terbuang untuk menyumbang kearah sekolah HIJAU.

SETIN SEBOTOL SEHIJAU

Masalah :

1. Bekas tin dan botol minuman pelajar dikumpulkan oleh pekerja kebersihan mengundang masalah pergaduhan.
2. Tiada tempat yang sesuai untuk mengumpulkan barang-barang tersebut.

Idea :

Tandas terpakai digunakan untuk mengumpulkan bahan-bahan terbuang seperti kertas, tin, botol dan besi. Bilik tersebut kan dijaga oleh Kelab Pencinta Alam untuk menancari dana dan mengurangkan kos untuk membuat pump dan sprinkle air. Bilik tersebut itu nanti diubahsuai agar lebih tersusun dan terancang agar dapat memberi pendidikan kepada pelajar-pelajar.

Sifat menabung akan didik kepada warga SMK Bandar Tasik Kesuma di mana kami akan membuat satu pertandingan iaitu kelas yang dapat mengumpul bahan terbuang sebulan tertinggi akan mendapat Sijil Hijau di mana Kelab Pencinta Alam akan bekerjasama dengan pihak Alam Flora.

Cara Pelaksanaan : Setiap pelajar menyumbang 4 botol x 40 pelajar = 160 (1 minggu)
Setiap kelas akan menyumbang 160 x 4 = 640
Satu bulan ada 54 kelas x 640 = 34,560 botol air minuman

Maksudnya : Sekolah kami dapat mendidik pelajar dengan dapat mengumpulkan 34560 bekas botol minuman terpakai untuk sebulan sekiranya 12 bulan sekolah kami berjaya menyelamatkan bumi dari masalah alam sekitar dengan mengumpulkan botol sebanyak 345,600 buah botol terpakai. Bayangkan sekiranya pelajar kami dapat membudayakan sikap ini sehingga mereka habis belajar kemungkinan besar mereka boleh mendidik keluarga mereka dengan menghargai alam dan menyelamatkan bumi dari bencana.

Penutup

Inilah yang sedang berlaku dan akan berlaku dan terus berlaku di sekolah kami di mana kami akan mewujudkan warga sekolah dengan menghargai alam sekitar dengan menghijaukan setiap sudut dan ruang yang ada di sekolah dengan cara tertentu. Semoga dengan cara ini kami dapat mendidik warga SMK Bandar Tasik Kesuma bijak berilmu dan mempunyai nilai yang tinggi dalam mencintai planet BUMI.

Disediakan oleh,

Diluluskan oleh,

.....
(NUR QADIRAH BINTI MOHD SAIPUL ANUWAI)

.....
(SUHAILA @ RAFIDAH BINTI ABDUL MAJID)